

**Tiga Teras Pembangunan Dan Kesejahteraan Untuk Sabah - Najib  
Bernama  
27 Julai, 2013**

KOTA KINABALU, 27 Julai (Bernama) -- Aspek keselamatan, pembangunan dan kebajikan akan menjadi keutamaan kerajaan persekutuan dan negeri dalam membangunkan Sabah untuk tempoh lima tahun akan datang, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata teras pertama kerajaan Barisan Nasional (BN) ialah memastikan keselamatan, kedaulatan, keamanan di Sabah terjamin sepenuhnya selepas peristiwa Lahad Datu awal tahun ini.

"Jangan sekali kita lupa, kita mesti ambil langkah proaktif, anggota tentera dan polis mencukupi, menambah risikan, menentukan rangkaian di kawasan penting yang dapat dibangunkan dengan kelengkapan teknologi sesuai.

"Juga membina kem tentera baharu, balai polis untuk pastikan rakyat di kawasan terdedah risiko rasa selamat...bila tidur malam akan tidur nyenyak," katanya pada majlis berbuka puasa dan makan malam bersama perdana menteri di Kota Kinabalu, Sabtu malam.

Hadir sama isteri perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor, Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman dan isteri Datin Seri Faridah Tussin serta pemimpin-pemimpin negeri.

Najib berkata adalah tanggungjawab kerajaan BN membina kem tentera di FELDA Sahabat sebagai pangkalan penting dalam Kawasan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM, selain merangka model menyusun semula perkampungan laut di pantai timur Sabah tanpa menyusahkan rakyat.

Menerusi teras kedua, kerajaan akan memperhebat soal pembangunan yang memerlukan tambahan pembangunan asas di kawasan luar bandar dan bandar, yang menyaksikan jalan menghubungkan di antara kedua-dua kawasan itu terlalu sempit dan sesak dengan lalu lintas, dan ia perlu diberi perhatian, katanya.

Najib berkara teras ketiga pula merangkumi soal kebajikan rakyat, bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal tetapi juga soal melibatkan kepentingan rakyat.

"Ini komitmen kita, dan ia bersandarkan kepada Gagasan 1Malaysia dengan pengukuhan hubungan antara kumpulan etnik, yang amat penting untuk kita terus pelihara dan perkukuhkan. BN ialah kerajaan untuk kepentingan semua kumpulan etnik di Sabah," tegasnya.

Perdana menteri berkata kerajaan BN akan terus memperbanyakkan produk 1Malaysia seperti Kedai Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia dan pelbagai lagi untuk memastikan signifikasi gagasan itu bukan retorik dan slogan semata-mata, tetapi dapat dirasai nikmatnya oleh semua rakyat di negara ini.

Sambil melahirkan penghargaan kepada rakyat Sabah, Pengerusi BN itu berkata pencapaian BN di Sabah adalah cemerlang dan merupakan antara negeri yang memberi sumbangan besar kepada pembentukan kerajaan BN di peringkat persekutuan.

"Daripada 25 kerusi Parlimen, Sabah menyumbang 22 (kerusi), ini bukan bilangan yang kecil. Negeri yang membuat sumbangan tetap terbesar kepada BN," katanya.

Pada majlis itu, Najib juga memotong pulut kuning bersama Rosmah dan anggota pemimpin parti komponen sempena ulang tahun kelahiran beliau ke-60 yang jatuh pada Selasa lepas.

Terdahulu, Najib menyampaikan sumbangan duit raya kepada 78 penerima daripada golongan asnaf, fakir miskin dan anak yatim dari beberapa rumah kebajikan dan anak yatim di sekitar Kota Kinabalu, Papar dan Tuaran.

Sementara itu Musa dalam ucapan di majlis itu berkata pelbagai dasar, program dan inisiatif yang diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib telah memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

Musa berkata ia jelas menunjukkan keikhlasan dan kesungguhan kerajaan dalam membela nasib rakyat negeri Sabah.

"Pilihan raya umum ke-13 sudah berlalu dan rakyat sudah membuat pilihan. Dalam konteks negeri Sabah, majoriti rakyat terus memberi sokongan dan kepercayaan kepada kerajaan BN di bawah kepimpinan perdana menteri.

"Perdana menteri seorang pemimpin yang prihatin dan komited dan dapat merasai denyutan nadi rakyat di negeri ini melalui beberapa siri lawatan kerja dan turun padang ke sini," katanya.

Musa berkata dengan amanat dan harapan rakyat Sabah kepada pemimpin dalam kerajaan BN, pemimpin-pemimpin di Sabah sentiasa insaf dan sedar bahawa ia bukan satu keistimewaan tetapi amanah dan tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakan dengan penuh iltizam.

"Kami akan terus melipat gandakan lagi usaha dan bekerja keras untuk menunai mandat, harapan dan janji kami kepada rakyat dalam pilihan raya umum lalu dan akan terus memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi dan berdiri teguh bersama kepimpinan perdana menteri di peringkat parti dan kerajaan," katanya.

Musa merakamkan penghargaan kepada perdana menteri atas pelantikan enam orang pemimpin Sabah sebagai menteri penuh dan empat orang sebagai timbalan menteri di peringkat persekutuan.

"Sesungguhnya, ini jelas membuktikan kepercayaan, keyakinan dan penghargaan perdana menteri khasnya kepada para pemimpin Sabah dan rakyat dan negeri Sabah pada keseluruhannya," katanya.

Musa juga berterima kasih atas pelantikan semula beliau dan Datuk Seri Salleh Tun Said sebagai pengerusi dan dan timbalan pengerusi badan perhubungan UMNO Sabah.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=966541>